



Nelayan Dungun beramah mesra dengan Shabery dan menyampaikan hasrat mereka.

Nelayan mahu lebih banyak insentif

DUNGUN - Nelayan di daerah ini menunjukkan reaksi positif dan menyokong usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Moa) yang akan memperjuangkan lebih banyak insentif untuk mereka.

Antaranya ialah menaikkan elaun sara hidup nelayan bagi mengurangkan beban.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Dungun, Alauddin Ali berkata, para nelayan menyokong usaha jabatan dan kementerian beri lebih banyak insentif kerana ia mampu meningkatkan ekonomi mereka.

"Memang kita harap elaun nelayan ditambah kerana yang sedia ada tidak me-



ALAUDDIN

madai.

"Terdapat lebih 900 nelayan di kawasan ini dan hanya sebahagian sahaja yang mendapat elaun sara diri.

"Ini kerana pelbagai masalah dialami nelayan ter-

masuk tidak mempunyai lesen, lesen tamat tempoh dan pelbagai lagi," katanya ketika majlis ramah mesra menteri pertanian dan Asas tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan penyampaian *Touch point* di Pasar Besar Dungun, kelmarin.

Sempena program itu, beberapa bantuan *Touch Point* disampaikan kepada nelayan.

Keseluruhan bantuan bernilai RM68,200 termasuk Tong insulasi, global positioning system (GPS), Pukat Tangsi dan generator.

Peruntukan bantuan berkenaan dari Jabatan Perikanan Malaysia dan kerajaan negeri.